

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: SINAR HARIAN (DARI KELANTAN)

TARIKH: 16 SEPTEMBER 2017

MUKA SURAT: 52

17 sekolah pondok di Kelantan tanpa permit bomba

KOTA BHARU - Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Kelantan mengesan 17 sekolah agama pondok di negeri ini beroperasi tanpa permit daripada jabatan tersebut.

Pengarahnya Nazili Mahmood berkata, sekolah berkenaan yang terletak di beberapa daerah didapati berisiko tinggi sekiranya berlaku kebakaran berikutan ciri-ciri keselamatan bangunan didapati kurang memuaskan.

"Kita dapati kebanyakan sekolah pondok yang beroperasi tanpa permit ini terdedah kepada kebakaran kerana sistem pendawai-



● Pilih sekolah pondok miliki permit

an elektrik serta struktur bangunan yang diperbuat daripada kayu sudah lama," katanya.

Nazili berkata, pihaknya sudah menasihati kesemua pemilik sekolah pondok tersebut supaya meningkatkan ciri-ciri keselamatan seperti membuat pendawaian baharu, memasang peralatan mengesan asap dan pemasangan jeriji besi yang mudah dibuka.

"Berdasarkan rekod ter-

dahulu, kebanyakan kes sekolah pondok terbakar adalah disebabkan litar pintas, kelalaian menggunakan dapur memasak dan ubat nyamuk," katanya.

Beliau berkata setakat ini hanya 46 sekolah pondok dan pusat tahfiz di negeri ini sudah diberikan permit selepas pemeriksaan yang dijalankan mendapati pengusaha pondok terbabit mematuhi syarat-syarat keselamatan yang ditetapkan.

Sehubungan itu, beliau menasihati ibu bapa supaya memilih sekolah pondok yang beroperasi secara sah termasuk memiliki permit daripada jabatannya.